

**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**Paparan Maklumat Perolehan Melalui Portal  
MyProcurement**

---

**PERBENDAHARAAN MALAYSIA**

**KANDUNGAN**

<b>PK 1.14</b>	<b>PAPARAN MAKLUMAT PEROLEHAN MELALUI PORTAL MYPROCUREMENT .....</b>	<b>1</b>
<b>1.</b>	<b>Latar Belakang.....</b>	<b>1</b>
<b>2.</b>	<b>Objektif .....</b>	<b>1</b>
<b>3.</b>	<b>Sumber Data/Maklumat.....</b>	<b>1</b>
<b>4.</b>	<b>Paparan Maklumat Perolehan Melalui Portal MyPROCUREMENT .....</b>	<b>2</b>
<b>5.</b>	<b>Tanggungjawab Agensi Kerajaan .....</b>	<b>2</b>
<b>6.</b>	<b>Tarikh Kuat Kuasa .....</b>	<b>3</b>

## **PK 1.14 PAPARAN MAKLUMAT PEROLEHAN MELALUI PORTAL MYPROCUREMENT**

### **1. Latar Belakang**

1.1 Portal MyPROCUREMENT berperanan sebagai sebuah mekanisme dalam meningkatkan ketelusan sistem perolehan Kerajaan seiring dengan prinsip Kementerian Kewangan yang mengutamakan pentadbiran yang cekap, akauntabiliti dan telus. Penggunaan portal secara tidak langsung berupaya mewujudkan kebertanggungjawaban dan ketelusan Kerajaan dalam pelaksanaan perolehan.

### **2. Objektif**


2.1 MyPROCUREMENT merupakan platform untuk memaparkan maklumat berkenaan perancangan perolehan Agensi bagi tahun semasa dan iklan perolehan yang meliputi pelawaan, keputusan serta pembatalan yang dilaksanakan oleh Agensi.

2.2 Maklumat berkaitan perolehan yang dipelawa sehingga dianugerahkan kepada syarikat/kontraktor/pembekal yang berjaya WAJIB dipaparkan di dalam portal MyPROCUREMENT.

### **3. Sumber Data/Maklumat**

3.1 Portal yang dibangunkan sebagai hebahan dan pemakluman berkaitan perolehan yang dilaksanakan oleh Kerajaan ini memaparkan maklumat menerusi integrasi antara Sistem.

3.2 Maklumat Perolehan yang dipaparkan di portal MyPROCUREMENT adalah berdasarkan proses integrasi MyGPIS-Portal MyPROCUREMENT seperti Rajah 1.



Rajah 1: Proses Integrasi Portal MyPROCUREMENT dan Sumber Sistem MyGPIS

#### 4. Paparan Maklumat Perolehan Melalui Portal MyPROCUREMENT

- 4.1 Portal MyPROCUREMENT boleh dicapai menerusi pautan <https://myprocurement.treasury.gov.my/>
- 4.2 Maklumat yang dipaparkan di dalam portal MyPROCUREMENT adalah Perancangan Perolehan Tahunan yang akan dilaksanakan oleh Agensi, pelawaan iklan, pembatalan iklan dan keputusan tawaran bagi semua kategori perolehan.
- 4.3 Bagi perolehan yang dilaksanakan menerusi sistem yang telah berintegrasi dengan MyGPIS, maklumat iklan, pembatalan iklan dan keputusan tawaran tidak perlu dikunci masuk semula ke dalam MyGPIS. Maklumat tersebut akan dihantar oleh MyGPIS ke Portal MyPROCUREMENT secara automatik mengikut jadual penghantaran yang telah ditetapkan.
- 4.4 Bagi perolehan yang tidak menggunakan sistem yang berintegrasi dengan MyGPIS, paparan iklan, pembatalan iklan dan keputusan tawaran di portal MyPROCUREMENT adalah melalui sistem MyGPIS. Agensi perlu mengunci masuk maklumat iklan, pembatalan iklan dan keputusan tawaran ke dalam sistem MyGPIS terlebih dahulu sebelum paparan di portal MyPROCUREMENT boleh dibuat.

#### 5. Tanggungjawab Agensi Kerajaan

- 5.1 Agensi Kerajaan bertanggungjawab dalam memastikan maklumat yang dipaparkan di Portal MyPROCUREMENT adalah sahih.

- 5.2 Pegawai Pengawal perlu mewujudkan mekanisma dalam memantau maklumat perolehan yang akan dipaparkan kerana portal ini bukan sahaja menjadi rujukan Agensi Kerajaan, malah ianya turut digunakan oleh kontraktor/pembekal yang ingin mendapatkan tawaran kontrak dengan Kerajaan.
- 5.3 Penggunaan portal ini secara tidak langsung bukan sahaja memaparkan maklumat berkaitan pelaksanaan perolehan yang bermula daripada peringkat perancangan sehingga pelaksanaannya malah mewujudkan sifat kebertanggungjawaban dan ketelusan Kerajaan dalam pelaksanaan perolehan tersebut.

## **6. Tarikh Kuat Kuasa**

- 6.1 Peraturan ini berkuat kuasa mulai **29 November 2022**.